

Malaysia tiada hubungan dengan Israel: PM

BH 16 DEC 2000

SERDANG, Jumaat – Malaysia tidak akan menimbang sebarang hubungan diplomatik dengan Israel selagi masalah rakyat Palestin tidak diselesaikan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, pemimpin Isreal, Ehud Barak pernah menulis surat kepadanya meminta Malaysia mengadakan hubungan dua hala tetapi beliau menjawab permintaan itu tidak dapat ditimbang.

“Pendirian kita jelas walaupun ada negara Islam yang mempunyai penduduk Islam lebih ramai mempunyai hubungan dua hala dengan Israel,” katanya pada Majlis Perjumpaan dan Dialog Perdana Menteri Bersama Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin dan Naib Canselor UPM, Prof Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

Dr Mahathir berkata, sesiapa saja yang mengatakan Malaysia mempunyai hubungan dua hala dengan Isreal adalah melakukan fitnah.

Malah, katanya, perkara seperti itu tidak harus dicakap terutama pada bulan puasa.

Beliau berkata, walaupun Malaysia dan Israel tidak mempunyai hubungan dua hala, ia tidak menghalang pemimpinnya untuk berutus surat.

Perdana Menteri berkata, selepas Ehud Barak terpilih, beliau mengucapkan tahniah dan meminta pemimpin Isreal itu menghormati perjanjian yang dibuat dengan pemimpin Palestin.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menjelaskan, semua kaum di negara ini perlu berkorban dan tidak ada kaum yang akan mendapat 100 peratus tuntutan mereka.

LHAT MUKA 2

Kaum yang kuat mesti berkorban

DARI MUKA 1

Katanya, ada pihak ekstremis menuntut semua untuk mereka, termasuk hak sama rata dan meritokrasi.

“Sekiranya perkara itu diterima, kaum yang miskin akan terus ketinggalan dan tidak boleh keluar daripada arus kemiskinan.

“Justeru itu, yang kuat mesti berkorban agar yang lemah mendapat hak mereka. Dengan cara ini dapat wujud hubungan yang baik antara kaum,” katanya sambil meminta pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) merapatkan hubungan sesama mereka.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa berusaha merapatkan hubungan antara kaum termasuk me-

mastikan pelajar yang tinggal di asrama tidak dipisahkan mengikut kaum.

Bagi merapatkan hubungan, katanya, persatuan pelajar perlu adakan pelbagai kegiatan yang mengabungkan pelajar dari semua kaum agar hubungan lebih rapat dapat diwujudkan.

Beliau juga mengingatkan rakyat supaya jangan terlalu asyik dengan tuntutan dan sengketa sehingga tidak sedar bahaya yang sedang dihadapi sekarang.

“Jika ini berterusan, usaha untuk membangunkan negara tidak tercapai. Apa yang dibuat untuk generasi muda akan dirosakkan dan kesannya akan ditanggung oleh mereka,” katanya.